

STPM Kertas 1 2015:

Soalan 4

- (a) Nyatakan dua perbezaan antara aset ketara dan aset tak ketara. (2 markah)
- (b) Imbangan duga belum terlaras bagi Koperasi Pelajar Kampung Baru pada 31 Disember 2013 adalah seperti yang berikut:

	Debit (RM)	Kredit (RM)
Jualan		1,200,000
Belian	680,000	
Inventori	41,000	
Penghutang dagangan	89,000	
Pemiutang dagangan		74,000
Tunai	146,000	
Belanja pengangkutan	17,000	
Belanja pentadbiran	54,000	
Tanah	120,000	
Bangunan	200,000	
Peralatan pejabat	20,000	
Kenderaan van	40,000	
Peruntukan susut nilai bangunan		40,000
Peruntukan susut nilai peralatan pejabat		8,000
Peruntukan susut nilai kenderaan van		16,000
Kumpulan wang kebajikan ahli		48,000
Kumpulan wang rizab berkanun		40,000
Modal saham		100,000
Pelaburan dalam ekuiti saham	200,000	
Dividen		5,000
Pendapatan tertahn		39,000
Belanja mesyuarat agung	13,000	
Simpanan tetap	150,000	
Pinjaman bank		200,000
	1,770,000	1,770,000

Maklumat tambahan

- (1) Peruntukan hutang ragu dianggarkan 5% daripada baki penghutang dagangan.
- (2) Kadar susut nilai tahunan untuk peralatan dan kenderaan ialah 20%, manakala untuk bangunan ialah 5%.
- (3) Elaun lembaga pengarah ditetapkan pada kadar 10%.
- (4) Dividen yang dicadangkan adalah sebanyak 10%.
- (5) Kadar faedah atas pinjaman ialah 6% setahun.
- (6) Faedah atas simpanan tetap adalah sebanyak 5% setahun.
- (7) Nilai inventori akhir ialah RM70,000.

- (8) Sumbangan kepada kumpulan wang adalah seperti yang berikut:
- (i) Kumpulan wang rizab berkanun adalah sebanyak 15%.
 - (ii) Kumpulan wang pembangunan koperasi adalah sebanyak 3%.
 - (iii) Kumpulan wang pendidikan koperasi adalah sebanyak 4%.
 - (iv) Kumpulan wang kebajikan ahli adalah sebanyak 10%.

Dikehendaki:

Sediakan,

- (i) Penyata pendapatan komprehensif (penyata pendapatan) bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2013. (8 markah)
- (ii) Penyata pembahagian untung rugi bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2013. (4 markah)
- (iii) Penyata kedudukan kewangan (kunci kira-kira) pada 31 Disember 2013. (6 markah)